

25

SOALAN NO. :16

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapa banyak tanah hutan telah dibuka untuk pembalakan di negeri Kedah mengikut pecahan tahun dan kawasan. Nyatakan kesan kepada kawasan empangan air serta kawasan berhampiran terlibat serta kawasan pembalakan di antara kawasan hutan simpan kekal dan hutan biasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah mengeluarkan lesen pembalakan di kawasan Hutan Simpanan Kekal seluas 17,576.07 hektar dari tahun 2011 – 2016 seperti di Hutan Simpan Ulu Muda, Bukit Perak, Rimba Telo, Bukit Enggang, Padang Terap, Sungai Badak, Gunung Bongsu, Gunung Inas, Bukit Perangin dan Sungkup. Pembalakan yang dijalankan adalah dari kawasan HSK yang dikelaskan sebagai kawasan Hutan Pengeluaran sahaja dan tidak menjelaskan kawasan empangan khususnya di empangan Ahning, Pedu, Muda dan Beris.

Bagi memastikan aktiviti pembalakan di Hutan Simpanan Kekal tidak menjelaskan alam sekitar, aktiviti pembalakan di kawasan ini dilaksanakan mengikut amalan Sistem Pengurusan Memilih (*Selective Management System - SMS*) di mana hanya pokok-pokok yang telah dikenal pasti dan ditanda untuk ditebang sahaja boleh dikeluarkan. Pelaksanaan amalan Sistem Pengurusan Memilih ini perlu mematuhi keperluan dan peraturan di bawah standard Kriteria dan Petunjuk Malaysia (*Malaysia Criteria and Indicator - MC&I*) untuk pensijilan pengurusan hutan yang menekankan pengawalan kestabilan alam sekitar, pengekalan kualiti sumber air dan kesejahteraan kehidupan masyarakat setempat. Bagi memastikan pematuhan ini, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pihak pelesen pembalakan sentiasa mematuhi garis panduan dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Kedah.

27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

SOALAN : 17

Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk mewajibkan pemasangan "dashcam" bagi setiap kereta keluaran baru atas tujuan keselamatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada ketika ini, pihak Kementerian tidak bercadang untuk mewajibkan pemasangan kamera *dashboard* di dalam kenderaan memandangkan terdapat beberapa perkara penting yang perlu diperhalusi oleh pihak Kementerian, iaitu seperti berikut :-

- a) ketiadaan piawaian / standard di peringkat antarabangsa mahupun tempatan khusus bagi menetapkan spesifikasi pemasangan kamera *dashboard* di dalam kenderaan; dan
- b) cadangan ini tiada dinyatakan di bawah Pelan Pelaksanaan Peraturan UN sedia ada oleh pihak JPJ.

Namun begitu, pihak Kementerian tiada halangan penggunaan kamera *dashboard* tersebut di dalam kenderaan secara sukarela selagi mana pemasangannya adalah selamat dan tidak menjelaskan pemanduan kenderaan tersebut. Ini kerana, penggunaan kamera tersebut boleh membantu pelbagai agensi penguatkuasaan dalam menjalankan siasatan sesuatu kes kemalangan jalan raya serta jenayah yang lain.